

SUARA KESULITAN PELAJAR

Program Ramah
Mesra Mampan
beri peluang ahli
luahkan masalah



KENANGAN...Adnan (tiga dari kanan) bergambar bersama ahli jawatankuasa Mampan pada majlis ramah mesra di Putrajaya, baru-baru ini.

Oleh Samsudin Awang

SERAMAI 2,500 ahli Majlis Mahasiswa Anak Pahang (Mampan) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan swasta (IPTS) dari seluruh negara berhimpun di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) pada Program Ramah Mesra Mampan bersama Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, baru-baru ini.

Program anjuran Yayasan Pahang itu adalah agenda tahunan kerajaan negeri untuk mengukuhkan hubungan antara penuntut IPT di kalangan anak Pahang dengan barisan pucuk pimpinan negeri itu.

Ia juga mampu memberi peluang kepada ahli Mampan mengetengahkan pelbagai isu yang mereka hadapi sepanjang mengikuti pengajian di bawah bantuan kewangan kerajaan negeri melalui Yayasan Pahang.

Pada majlis itu, Adnan menyampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang IPT-Yayasan Pahang 2004 yang diterima Soon Pai Ee dan Mohamed Ali Haniffa, kedua-duanya dari Universiti Malaya (UM).

Adnan, dalam amanatnya kepada ahli Mampan, mahukan mahasiswa bersikap terbuka, progresif dan berani memberi pandangan secara bernas dan praktik.

"Mahasiswa perlu berani tampil menyuarakan pandangan atau kritikan kepada kerajaan secara profesional supaya segala yang disuarakan itu dapat diguna pakai kerajaan untuk memberi perkhidmatan lebih baik kepada rakyat dan negara."

"Bagaimanapun, jangan

hanya berani mengkritik membuta tuli di belakang sahaja tanpa melalui saluran yang betul dan akhirnya boleh merosakkan mentaliti serta kewibawaan mereka sendiri," katanya.

Menurut Adnan, persaingan bagi mendapatkan pekerjaan di kalangan graduan boleh dibendung sekiranya setiap graduan mempunyai nilai tambah dalam diri masing-masing dan tidak sekadar bersandar kepada segelung ijazah semata-mata.

"Graduan perlu mempunyai kemahiran tambahan seperti menguasai bahasa asing, kemahiran berinteraksi, penguasaan asas teknologi maklumat (IT) atau apapun kemahiran lain yang menjadi kelebihan kepada mereka berbanding individu lain," katanya.

Presiden Mampan, Kamil Hakimi Abdul Hak, 24, dari Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata usaha Yayasan Pahang menjalinkan ikatan antara mampan dan kerajaan negeri, bukan sahaja dapat membantu menyelesaikan masalah mahasiswa, malah mampu meningkatkan pencapaian akademik mereka.

"Galakan yang sentiasa diberi Yayasan Pahang dalam bentuk biasiswa, anugerah dan kursus dapat meningkatkan kualiti ahli Mampan di samping program sosial lain yang dianjurkan Mampan untuk masyarakat Pahang."

"Ahli Mampan berterima kasih kepada kerajaan negeri yang memberi tumpuan khusus dalam soal kebajikan, cemerlangan dan masa depan graduan dari negeri itu," katanya.